

## QASR

### Pengertian Qasr

**Qasr** dari sudut **bahasa** : Menahan/menghadkan

“Bidadari-bidadari yang terpelihara di dalam kemah-khemah”  
“Dalam syurga ada bidadari- bidadari yang sopan menundukkan pandangannya”

**Qasr** dari sudut **istilah** : Proses memkhususkan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan cara tertentu.

### Huraian Takrif:

(**تخصيص**): menyatakan perkara kedua tidak perkara yang lain itu sebenarnya ada pada perkara pertama.

(**شيء**) : sifat atau sesuatu yang hendak disifatkan  
(**بشيء**): sesuatu atau sifat.

Sekiranya **perkara pertama** itu adalah sifat, **perkara yang kedua** adalah sesuatu benda. begitulah sebaliknya.

contoh:

1- (Syauqi hanyalah seorang penyair)  
- Mengkhususkan Syauqi dengan sifat penyair. Ini bentuk *qasr mausuf* berdasarkan sifat.

2- (Tiada penyair selain Syauqi)  
- Mengkhususkan sifat penyair pada Shawqi. Ini bentuk *qasr sifat* berdasarkan mausuf.

(**بطريق مخصوص**): dengan salah satu daripada enam cara yang disepakati oleh ahli Balaghah .

1. (النفي) kata nafi dan (الاستثناء) kata pengecualian,
2. (إنما) hanyasanya
3. (العطف) kata hubung
4. (التقديم) mendahulukan sesuatu perkara
5. (توسط ضمير الفصل) perantaraan domir fasl (kata ganti nama)
6. (الخبر) atau (المبتدأ) berbentuk kata nama khas dengan menggunakan *lam jins*

## القصر

### ① تعريف القصر

لغة: بمعنى الحبس

حور مقصرات في الخيام (محبوسات) / فيهن قاصرات الطرف (حابسات)

اصطلاحا : تخصيص شيء بشيء بطريق مخصوص.

### شرح التعريف:

**تخصيص**: ثبوت الشيء الثاني دون غيره للشيء الأول

**شيء**: صفة أو موصوف

**بشيء**: موصوف أو صفة

فإذا كان الشيء الأول صفة يكون الثاني موصوفا والعكس صحيح.

(ما شوقي إلا شاعر) / (ما شاعر إلا شوقي)

**بطريق مخصوص**: بطريق من طريق القصر الستة المتفق عليها عند البلاغيين.

وهي: (١) النفي والإستثناء. (٢) إنما (٣) التقديم. (٤) العطف. (٥) توسط

ضمير الفصل. (٦) تعريف المسند (الخبر) أو المسند إليه (المبتدأ) بلام الجنس

**Rukun Qasr** ada 3 :

1. Maqsur (sesuatu yang menerima pengkhususan)
2. Maqsur 'alaih (sesuatu yang menkhususkan sesuatu yang lain)
3. Bentuk Qasr

### **Bahagian Qasr**

#### **1. Qasr berdasarkan dua rukunnya (*Maqsur* dan *Maqsur 'alaih*)**

(i) Mengkhususkan Sifat berdasarkan mausuf (sesuatu)

(Maksud sifat di sini ialah sifat yang ada pada sesuatu sama ada berbentuk katanama atau kata kerja)

contoh: Tiada penyair selain Syauqi

- Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hambahamba-Nya, hanyalah ulama.

(ii) Mengkhususkan *mausuf* (sesuatu) berdasarkan Sifat

contoh: Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul

- Allah swt itu tidak lain hanyalah Pencipta segala sesuatu
- Syauqi itu tidak lain hanyalah seorang penyair

② أركان القصر : ١. مقصور . ٢. مقصور عليه . ٣. طريق القصر

### ③ أقسام القصر

(١) باعتبار طرفيه المقصور والمقصور عليه

أ- قصر صفة على موصوف

المراد بالصفة : الصفة المعنوية التي تدل على معنى قائم بشيء سواء أكان اللفظ الدل عليها جامدا أو مشتقا، فعلا أو غير فعل.

مثل: ما شاعر إلا شوقي (صفة : شاعر / موصوف : شوقي)

إنما يخشى الله من عباده العلماء (الصفة : الخشية من الله / الموصوف: العلماء)

ب- قصر موصوف على صفة

مثل: وما محمد إلا رسول (الموصوف : محمد / الصفة : رسول)

ما الله إلا خالق كل شيء

(الموصوف : لفظ الجلالة (الله) / الصفة : خالق كل شيء)

ما شوقي إلا شاعر (موصوف : شوقي / صفة : شاعر)

## 2. Qasr berdasarkan tujuan penuturnya atau keadaan sebenarnya

(i) **Qasr hakiki** iaitu tujuan penutur adalah untuk mengkhususkan maqsur dengan maqsur 'alaih berdasarkan keadaan sebenar di mana ianya tidak melangkaui perkara lain.

contoh: tidak ada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah (mengkhususkan sifat ketuhanan itu hanya kepada Allah swt)

- Sesungguhnya yang memberi rezeki hanyalah Allah swt
- Penutup segala rasul tidak lain hanya nabi Muhammad saw

(ii) **Qasr idafi** iaitu tujuan penutur adalah untuk mengkhususkan maqsur dengan maqsur 'alaih berdasarkan sandaran kepada perkara lain yang tertentu

contoh: Syauqi tidak lain hanyalah penyair

- Sesungguhnya penulis itu hanyalah Muhammad
- Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul

## Bahagian Qasr berdasarkan tujuan penutur atau keadaan sebenarnya

### (i) Qasr hakiki

#### a. Qasr hakiki tahkiki

**Tandanya:** Kandungan ayatnya memang menepati dengan keadaan sebenar. kerana itulah dinamakan hakiki tahkiki (betul-betul menepati keadaan sebenar)

contoh: "Dan di sisi Allahlah kunci2 semua yang ghaib. Tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri

## (٢) باعتبار غرض المتكلم / الواقع

أ- قصر حقيقي : أن يكون غرض المتكلم أن يختص المقصور بالمقصود عليه بالنظر للحقيقة والواقع بحيث لا يتعداه إلى غيره أصلاً.

مثل: لا إله إلا الله - قصر الصفة (الألوهية) على الموصوف (لفظ الجلالة)

إنما الرازق الله / ما خاتم الرسل إلا محمد

ب- قصر إضافي: أن يكون غرض المتكلم أن يختص المقصور بالمقصود عليه بحسب الإضافة إلى شيء آخر معين.

مثل: ما شوقي إلا شاعر / إنما الكاتب محمد / وما محمد إلا رسول

## أقسام القصر باعتبار غرض المتكلم / الواقع

### (١) قصر حقيقي

#### أ. قصر حقيقي تحقيقي

علامته: أن يكون مضمونه مطابقاً للواقع الخارجي، لذا سموه حقيقياً تحقيقياً (صادقاً مطابقاً للواقع)

مثل: وعنده مفاتيح الغيب لا يعلمها إلا هو

## b. Qasr hakiki iddi'ai

**Tandanya:** Kandungan ayatnya tidak menepati dengan keadaan sebenar, namun ianya disebut sebagai sanjungan dan andaian sahaja, kerana itulah ianya dinamakan hakikat secara andaian.

contoh: Pemidato yang hebat tidak lain hanyalah Ali

- Pedang sebenar tidak lain hanyalah pedang Zul Faqar.

## (ii) Qasr Idafi

**(a) Qasr ifrad** iaitu mengkhususkan sesuatu perkara berdasarkan hubungan dengan perkara (tertentu) tanpa melibatkan perkara lain dan ditujukan kepada sesiapa yang menganggap ianya ada perkongsiannya.

contoh: Sesungguhnya Allah swt hanyalah tuhan yang maha esa

- Penyair itu tidak lain hanyalah Syauqi
- Syauqi itu tidak lain hanyalah penyair

**(b) Qasr qalb** iaitu mengkhususkan sesuatu perkara berdasarkan hubungan dengan perkara (tertentu) pada tempat lain dan ditujukan kepada sesiapa yang menganggap ianya bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh penutur.

contoh: Orang musafir itu tidak lain hanyalah Muhammad

Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang musafir

Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang yang berdiri

© **Qasr Ta'yin** iaitu mengkhususkan sesuatu perkara berdasarkan hubungan dengan perkara (tertentu) tanpa melibatkan perkara lain dan ditujukan kepada sesiapa meragui antara dua perkara.

contoh: al Barudi itu seorang penyair bukannya penulis sastera

## ب. قصر حقيقي ادعائي

علامته : أن يكون مضمونه غير مطابق وإنما ذكر على سبيل المبالغة والادعاء و

لذا سمون حقيقيا ادعائيا

مثل: لا خطيب في البلد إلا علي / لا سيف إلا ذو الفقار

## (٢) قصر إضافي

أ. قصر الأفراد هو تخصيص أمر بأمر دون آخر ويخاطب به من يعتقد الشركة

مثل: إنما الله إله واحد / لا شاعر إلا شوقي / ما شوقي إلا شاعر

ب. قصر القلب هو تخصيص أمر بأمر مكان آخر ويخاطب به من يعتقد عكس

الحكم الذي أثبتته المتكلم

مثل: ما سافر إلا مُحَمَّد / ما مُحَمَّد إلا مسافر / ما مُحَمَّد إلا قائم

ج. قصر تعيين هو تخصيص أمر بأمر دون آخر ويخاطب به المتردد بين شيئين

مثل: البارودي شاعر لا ناثر

### Kedudukan Qasr

**1. Qasr berada antara subjek dan predikat,**

contoh: Tidaklah Muhammad itu melainkan seorang rasul

**2. Qasr berada antara perbuatan dan pelaku,**

contoh: Tidaklah yang jujur itu melainkan Muhammad

**3. Qasr berada antara pelaku dan objek**

contoh: Tidaklah aku temui melainkan Mahmud

**4. Qasr berada antara dua objek,**

contoh: Tidaklah aku berikan kepada orang fakir itu melainkan 5 pound

**5. Qasr berada antara hal (keadaan) dan sahibul hal (sesuatu)**

contoh: Tidaklah yang datang sambil menunggang kendaraan itu melainkan Muhammad

### Bentuk ayat Qasr

**1. Qasr boleh dalam bentuk satu ayat sama ada ayat kerjaan atau ayat namaan**

contoh: Tidaklah yang hadir itu melainkan Muhammad

- Tidaklah Syauqi itu melainkan seorang penyair

**2. Qasr boleh dalam bentuk dua ayat**

contoh: "Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah (berkata):  
"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya"

### ④ مواقع القصر

١. بين المبتدأ والخبر - وما مُجَّدٌ إلا رسول

٢. بين الفعل والفاعل - ما صدق إلا محمدٌ

٣. بين الفاعل والمفعول به - ما لقيتُ إلا محمودا

٤. بين المفعولين - ما منحتُ الفقير إلا خمسين جنيها

٥. بين الحال وصاحبها - ما جاء راكبا إلا محمدٌ

### ⑤ مكونات جملة القصر

١- بين جملة واحدة فعلية أو اسمية،

مثل: ما حضر إلا مُجَّدٌ، ما شوقي إلا شاعر

٢- بين جملتين،

مثل: والذين اتخذوا من دونه أولياء ما نعبدهم إلا ليقربونا إلى الله زلفى

## Kaedah Qasr / perkataan qasr

### 1. Bentuk nafi dan pengecualian

**Perkataan nafi** seperti (ما), (لا), (إن) dan (لن), atau perkataan yang mempunyai erti penafian seperti kata Tanya (هل) dan (من).

**Bentuk pengecualian** ialah perkataan (إلا), (غير) dan seumpamanya.

#### \* Bentuk nafi menggunakan (ما) dan (إلا)

contoh: Tidaklah Syauqi itu melainkan seorang penyair

- “dan tidak ada Tuhan selain Allah”
- “Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya”

#### \* Bentuk nafi menggunakan (لا) dan (إلا)

contoh: “Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah”

#### \* Bentuk nafi menggunakan (إن) dan (إلا)

contoh: “Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami-lah khazanahnya”

#### \* Bentuk nafi menggunakan (لم) dan (إلا)

contoh: “maka itulah tempat kediaman mereka yang tiada di diami (lagi) sesudah mereka, kecuali sebahagian kecil. Dan Kami adalah Pewaris(nya)”

#### \* Bentuk nafi menggunakan (هل) dan (إلا)

contoh: "Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula)"

#### \* Bentuk nafi menggunakan (من) dan (إلا)

contoh: "dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain dari pada Allah?"

**Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat nafi dan ayat pengecualian** : ianya berada selepas kata pengecualian.

contoh: Tidaklah Muhammad itu melainkan seorang rasul

- Tidaklah teman Rasul di gua itu melainkan Abu Bakar.

## ⑥ طرق القصر / أدوات القصر

### ١. النفي والاستثناء

المراد بالنفي : حرف يفيد النفي مثل (ما) و (لا) و (إن) و (لن) أو ما يدل على

معنى النفي كالاستفهام بـ (هل) و (من)

المراد بالاستثناء : كلمة (إلا) و (غير) ونحوهما.

– النفي بـ (ما) و (إلا)،

مثل: ما شوقي إلا شاعر (شاعر – مقصور عليه)

وما من إله إلا الله / وما كان لنفس أن تموت إلا بإذن الله كتابا مؤجلا

– النفي بـ (لا) و (إلا)، مثل: لا إله إلا الله

– النفي بـ (إن) و (إلا)، مثل: وإن من شيء إلا عندنا خزائنه

– النفي بـ (لم) و (إلا)، مثل: فتلك مساكنهم لم تسكن من بعدهم إلا قليلا

وكنا نحن الوارثين

– النفي بـ (هل) و (إلا)، مثل: هل جزاء الإحسان إلا الإحسان

– النفي بـ (من) و (إلا)، مثل: ومن يغفر الذنوب إلا الله

موقع المقصور عليه مع النفي والاستثناء : هو ما بعد أداة الاستثناء

مثل: ما مُجَّد إلا رسول

لا صاحب للرسول في الغار إلا أبو بكر الصديق

## 2. Perkataan (إنما) dan (أنا)

contoh:

- Sesungguhnya Allah swt itu hanyalah tuhan yang esa
- Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hambahamba-Nya, hanyalah ulama.
- Barangsiapa yang mengerjakan dosa, maka sesungguhnya ia mengerjakannya untuk (kemudharatan) dirinya sendiri
- “Hanyalah (orang yang) membeli bahan2 pujian (iaitu perbuatan baik yang patut diberikan pujian) adalah orang merdeka yang baik jiwanya kerananya (bahan-bahan pujian yang ia belanjakan hartanya untuknya) dengan harga (yang tinggi)”
- “Ketahuilah, bahwa sesungguhnya kehidupan duniaini hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antaraku serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak”

**Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat yang mengandungi (إنما) dan (أنا) :** ianya sentiasa berada di akhir dan *maqsur* juga berada bersamanya selepas perkataan tersebut.

contoh: Sesungguhnya yang memberi rezeki itu hanyalah Allah swt

## 3. Kata hubung (لا), (بل) dan (لكن)

### (i) Qasr dengan kata hubung (لا)

contoh:

- Bumi itu bergerak tidak tetap
- Saya makan madu tidak bawang
- Pembawa panji Islam dalam peperangan *Khaibar* hanyalah Ali bukan orang lain
- Aku memakai sutera tidak kapas
- Malik bin Anas seorang ulamak fekah dan mujtahid bukan penyair
- Ya Allah turunkanlah hujan di sekitar kami bukan untuk merusak kami
- Umur pemuda (berdasarkan) kebaikannya yang sentiasa diingati, bukan (berdasarkan) panjang usianya, dan kematiannya (berdasarkan apa yang sebahagian manusia redho dengan) kehinaanya/ kelemahannya, tidak (berdasarkan) harinya berpisah dengan dunia
- Al Barudi seorang penyair bukan penulis sastera

**Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat yang mengandungi (لا):** ianya berada sebelum (لا) dan ia berlawanan bagi perkara selepasnya.

contoh: Kemuliaan itu dengan ilmu tidak dengan harta

## ۲. كلمتا (إنما) و (أنا):

مثل: **إنما الله إله واحد (إله واحد - مقصور عليه)**

إنما يخشى الله من عباده العلماء / ومن يكسب إثما فإنما يكسبه على نفسه

إنما يشتري المحامد حر. طاب نفسا لمن بالأثمان

اعلموا أنما الحياة الدنيا لعب وهو وزينة وتفاخر بينكم وتكاثر في الأموال والأولاد

**موقع المقصور عليه مع (إنما) و (أنا) هو المؤخر دائما وعليه يكون المقصور**

معهما هو الذي يلي الأداة مباشرة، مثل: إنما الرازق الله

## ۳. العطف بـ (لا، بل، لكن):

### (أ) القصر بـ (لا) العاطفة

مثل: الأرض متحركة لا ثابتة / أكلتُ عسلا لا بصلا

حامل راية المسلمين في فتح خيبر علي لا غيره / لبست خزا لا بزا

مالك بن أنس فقيه مجتهد لا شاعر / اللهم حوالينا و لا علينا

عمر الفتى ذكره لا طولا مدته \* وموته خزيه لا يومه الداني

البارودي شاعر لا ناثر (شاعر - مقصور عليه)

**موقع المقصور عليه مع (لا) هو الواقع قبلها، المقابل لما بعدها**

مثل: الفخر بالعلم لا بالمال (المقصور عليه : العلم، المقصور : الفخر)

## (ii) Qasr dengan kata hubung (بل)

contoh:

- Tidaklah bumi itu tetap bahkan ianya bergerak
- Kamu tidak makan lemak binatang bahkan lemak tumbuhan.
- Bukanlah yatim itu mereka yang kematian bapanya tapi yatim itu ialah kerana tidak berilmu dan beradab

**Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat yang mengandungi (بل):** ianya berada selepas (لا).

contoh: Tidaklah Kemuliaan itu dengan harta bahkan dengan ilmu

## (iii) Qasr dengan kata hubung (لكن)

contoh:

“Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan (pula) seorang Nasrani, akan tetapi dia adalah seorang yang lurus lagi berserah diri (kepada Allah) dan sekali-kali bukanlah dia termasuk golongan orang-orang musyrik”.

Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapak dari seorang laki-laki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup para nabi

Tidaklah Kemuliaan itu dengan harta tetapi dengan ilmu

al Khansa' berkata: Sesungguhnya malam dan siang kerana lama berselisih di antarake dua-duanya ia tidak rosak tetapi (kerana perselisihan) manusiamenjadi rosak

**Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat yang mengandungi (لكن):** ianya berada selepas (لكن).

contoh: Tidaklah Kemuliaan itu dengan keturunan tetapi dengan ketakwaan

(ب) القصر بـ (بل) العاطفة : ما الأرض ثابتة بل متحركة

لا تأكل دهنا حيوانيا بل دهنا نباتيا

ليس اليتيم الذي قد مات والده \* بل اليتيم يتيم العلم والأدب

– موقع المقصور عليه مع (بل) هو الواقع بعدها

مثل: ما الفخر بالمال بل بالعلم

(المقصور عليه : العلم، المقصور : الفخر المنفي عن المال)

(ج) القصر بـ (لكن) العاطفة:

ما كان إبراهيم يهوديا ولا نصرانيا ولكن كان حنيفا مسلما وما كان من المشركين

ما كان مُحَمَّدٌ أباً أحد من رجالكم ولكن رسول الله وخاتم النبيين

ما الفخر بالمال لكن بالعلم

قول الحنساء: إن الجديدَيْنِ في طول اختلافهما لا يفسدان ولكن يفسد الناس

– موقع المقصور عليه مع (لكن) هو الواقع بعدها

مثل: ما الفخر بالنسب لكن بالتقوى

(المقصور عليه : التقوى ، المقصور : الفخر المنفي عن النسب)

### 3. Mendahulukan perkara yang sepatut dikemudiankan

#### (i) Mendahulukan *musnad* (predikat) berbanding *musnad ilaih* (subjek)

contoh:

“dan hanya kepada-Kulah kembalinya (segala sesuatu)”.

“Dan Kami wajibkan manusia (berbuat) kebaikan kepada dua orang ibubapaknya. Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya. **Hanya kepada-Ku-lah kembalimu**, lalu Aku kabarkan kepadamu apayang telah kamu kerjakan”

#### (i) Mendahulukan *musnad ilaih* berbanding kata kerja

(a) *musnad ilaih* itu berbentuk katanama khas dan *musnad* pula berbentuk kata kerja biasa (tiada nafi).

contoh: “Maka tatkala utusan itu sampai kepada Sulaiman, Sulaiman berkata: "Apakah (patut) kamu menolongaku dengan harta? maka apa yang diberikan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang diberikan-Nya kepadamu; tetapi kamu merasa bangga dengan hadiahmu”.

(b) *musnad ilaih* itu berbentuk katanama khas dan *musnad* pula berbentuk kata kerja nafi.

contoh: “Diwajibkan ataskamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukaisesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui”

(c) *musnad ilaih* itu berbentuk katanama khas yang ada nafi dan *musnad* pula berbentuk kata kerja biasa (tiada nafi).

contoh: tidaklah aku yang ucapkan kata-kata ini

### ٤ . تقديم ما حقه التأخير

(أ) تقديم الخبر على المبتدأ أي تقديم المسند على المسند إليه

مثل: ثم أخذتها وإليّ المصير (إليّ - مقصور عليه)

ووصينا الإنسان بوالديه حسنا وإن جاهداك لتشرك بي ما ليس لك به علم فلا تطعهما إلي مرجعكم فأنبئكم بما كنتم تعلمون

### (ب) تقديم المسند إليه على الفعل

١ - أن يكون المسند إليه معرفة والمسند فعلا مثبتا

مثل: فلما جاء سليمان قال أتمدونن بمال فما آتاني الله خير مما آتاكم بل أنتم بهديتكم تفرحون

٢ - أن يكون المسند إليه معرفة والمسند فعلا منفيا

مثل: كتب عليكم القتال وهو كره لكم وعسى أن تكرهوا شيئا وهو خير لكم وعسى أن تحبوا شيئا وهو شر لكم والله يعلم وأنتم لا تعلمون

٣ - أن يكون المسند إليه معرفة منفية والمسند فعلا مثبتا

مثل: ما أنا قلت هذا القول

(i) Mendahulukan *ma'mul* berbanding 'amil

(a) Mendahulukan *maf'ul bih* (objek) berbanding kata kerja

contoh: "Akan Engkaulah kami sembah dan akan Engkaulah kami memohon pertolongan"

(b) Mendahulukan *jar dan majrur* berbanding kata kerja

contoh: "Dan sungguh jika kamu meninggalatau gugur, tentulah kepada Allah sajakamu dikumpulkan"

(c) Mendahulukan *zarf* berbanding kata kerja

contoh: "Apakah kamu beriman kepada sebahagian Al Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian daripadamu, melainkan kenistaan dalam kehidupan dunia, dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada siksa yang sangat berat. Allah tidak lengah dari apa yang kamu perbuat"

Kedudukan *maqsur 'alaih* dalam ayat berbentuk mendahulukan perkara yang sepatut dikemudiankan: ianya berada di awal ayat

(ج) تقديم المعمول على العامل

١- تقديم المفعول به على الفعل

مثل: إياك نعبد و إياك نستعين

٢- تقديم الجار والمجرور على الفعل

مثل: ولئن متم أو قتلتم لإلى الله تحشرون

٣- تقديم الظرف على الفعل

مثل: أفتؤمنون ببعض الكتاب وتكفرون ببعض فما جزاء من يفعل ذلك

منكم إلا خزي في الحياة الدنيا ويوم القيامة يردون إلى أشد العذاب

موقع المقصور عليه مع (التقديم) هو المقدم

## Perbezaan antara perkataan qasr

### 1. Kata nafi dan kata pengecualian

Asal penggunaan pada perkara yang tidak diketahui oleh pendengar dan mengingkarinya atau pada perkara yang diragunya.

contoh: Tidaklah orang itu melainkan Khalid

(ayat ini kamu dikatakan kepada kawan kamu ketika kamu melihat bayang-bayang seseorang dari jauh, ketika itu kamu dapati kawan kamu itu menganggap ianya bukan Khalid dan mengingkarinya).

### 2. Qasr dengan perkataan (إنما)

Asal penggunaan pada perkara yang diketahui oleh pendengar dan tidak mengingkarinya iaitu berbeza dengan penggunaan kata nafi dan kata pengecualian.

contoh: Sesungguhnya orang itu hanyalah kawan lama kamu

(ayat ini kamu dikatakan kepada orang yang mengetahui perkara tersebut dan mengakuinya, ketika itu kamu mahu pendengar melayaninya dengan baik dan mengingatkannya agar menunaikan hak sebagai saudara dan menjaga kehormatan seorang kawan).

3. Qasr dengan perkataan (إنما) adalah seperti qasr dengan kata hubung, kerana memberi maksud menyatakan sesuatu dan menafikan perkara lain sekaligus. Berbeza bentuk kata hubung kerana ianya memberi maksud menyatakan pada permulaannya kemudian menafikan pada kali kedua atau sebaliknya.

4. Qasr dengan kata nafi, kata pengecualian, perkataan (إنما) dan kata hubung, maksud qasrnya adalah maksud tertentu yang diletakan dalam bahasa Arab.

Manakala Qasr dengan bentuk mendahulukan perkara yang sepatutnya dikemudiankan, maksud qasrnya berdasarakan susunan ayat, keadaan sekitarnya. Perkara ini perlu kepada perasaan yang sempurna dan fikiran yang tepat untuk mengeluarkan bentuk qasr ini.

## 7 الفروق بين أدوات القصر

١- النفي والاستثناء، وأصل استعماله أن يكون فيما يجمله المخاطب وينكره، أو فيما يشك فيه ويرتاب

كقولك لصاحبك وقد رأيت شبعا من بعيد: (ما هو إلا خالد) إذا وجدته يعتقد غير خالد، ويصر على الإنكار.

٢- القصر بـ (إنما)، أصل استعمالها - على خلاف النفي والاستثناء - يكون فيما يعلمه المخاطب ولا ينكره

(إنما هو صاحبك القديم)، تقول هذا لمن يعلم ذلك، ويقر به، وتريد أن ترفقه عليه، وتنبهه لما يجب عليه من حق الأخ، وحرمة الصاحب

٣- القصر بـ (إنما) مزية على القصر بالعطف؛ لأن (إنما) تفيد الإثبات للشيء، والنفي عن غيره دفعة واحدة، بخلاف طريق العطف فإنه يفهم منه الإثبات أولا، ثم النفي ثانيا، أو عكسه

٤- القصر بـ (النفي والاستثناء، وإنما، والعطف) دلالتها على القصر دلالة وضعية وضعها واضع اللغة

والقصر بـ (التقديم) دلالته على القصر إلى سياق الكلام وقرائن الأحوال، ويحتاج إلى الذوق السليم والفكر الصائب لاستخراج القصر من هذا الطريق

## Tujuan Qasr

### 1. Meringkaskan Ayat

contoh: “Kewajiban Rasul tidak lain hanyalah menyampaikan, dan Allah mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan”.

Ayat qasr ini memberi maksud ringkas kerana ianya menepati dua ayat, pertama ayat menyatakan dan kedua ayat menafikan.

#### Ayat tanpa qasr :

Rasul iaitu nabi Muhammad saw adalah penyampai dari tuhanNya. Rasul iaitu nabi Muhammad saw tidaklah mampu untuk menguasai hati-hati manusia. Sesungguhnya yang memiliki hati-hati hamba itu dan menguruskannya kea rah kebaikan dan mengetahui rahsianya dan yang zahirnya hanyalah Allah swt sahaja.

### 2. Menetapkan ayat itu dan mengukuhkannya dalam fikiran pendengar

contoh:

“Sesungguhnya manusia bagaikan bulan sabit beserta cahayanya, bila genap sebulan ia tenggelam dan menghilang”

Bait syair ini menegaskan bentuk qasr iaitu manusia (bermula dari) kecil, membesar dan berkembang, kemudian menjadi tua seterusnya menuju kepada kekurangan dan malap seperti keadan bulan sabit

## 8 أغراض القصر

### ١. الإيجاز

ما على الرسول إلا البلاغ والله يعلم ما بتدون وما تكتمون

فجملة القصر هنا أفادت الإيجاز؛ لأنها في قوة جملتين مثبتة ومنفية، لأن الكلام لو جاء بغير قصر لقال: الرسول محمد ﷺ مبلغ عن ربه، الرسول محمد ﷺ ليس قادرا على السيطرة على قلوب الناس، وإنما الذي يملك قلوب العباد ويصرفها نحو الخير، ويعلم سرها وعلايتها هو المولى سبحانه وتعالى.

### ٢. تمكين الكلام وتقديره في ذهن السامع

وما المرء إلا كالهلال وضوئه يوافي تمام الشهر ثم يغيب

البيت يؤكد بأسلوب القصر أن الإنسان صغير ينمو ويتعرج، ثم يكبر، ثم يتجه إلى النقص والاضمحلال كشأن الهلال.

### 3. Berlebih-lebihan dari sudut maksudnya khususnya pada qasr hakiki iddi'ai

contoh:

Seseorangitu tidak lain melainkan hanyalah dua anggota yang sangat kecil iaitu lidah dan akal. Dan tubuh badan adalah penciptaan yang terbentuk

Bait syair ini menjelaskan bahawa manusia itu tidak lain hanyalah lidah dan akal. Perkara ini kerana memulikan kesan kedua-duanya dan menggunakan ayat yang berlebih-lebihan tentang manusia itu hanyalah dua perkara ini sahaja.

### 4. Memberi maksud penjelasan

contoh:

"Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran"

Ini adalah pendedahan tentang celaan kepada orang kafir, disebabkan keterlaluan penentangan mereka dan hawa nafsu mereka maka mereka ini dihukumkan seperti orang yang tidak mempunyai akal. Orang yang begitu minat untuk memerhati dan mengingati itu hanyalah orang yang mempunyai fikiran.

٣. المبالغة في المعنى وبخاصة في القصر الحقيقي الادعائي

وما المرء إلا الأصغر لسانه \* ومعقوله والجسم خلق مصور

البيت يوضح أن الإنسان ما هو إلا لسان وعقل، وفي ذلك تعظيم لأثرهما، ومبالغة في أن الإنسان هو هذان الشيطان فقط.

٤. إفادة التعريض

قل هل يستوي الذين يعلمون والذين لا يعلمون إنما يتذكر أولو الألباب

هذا تعريض بدم الكفار، وأنهم لفرط عنادهم وغلبة الهوى عليهم في حكم من لا عقل لهم، وأن من يطمع في أن ينظروا ويتذكروا كمن يطمع في ذلك من غير أولي الألباب